

**ELEMEN SEJARAH MARITIM DALAM  
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH  
DAN KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH  
MENENGAH DI MALAYSIA  
(1983 – 2017)**



**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN  
WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

**ELEMEN SEJARAH MARITIM DALAM  
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH  
DAN KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH  
MENENGAH DI MALAYSIA  
(1983 – 2017)**



**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN  
WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_IJAZAH : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_SAYA : \_\_\_\_\_ SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_  
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH: \_\_\_\_\_

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: \_\_\_\_\_

Catatan:

\*Potong yang tidak berkenaan.

\*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

08 Mei 2019

.....  
Sapihi Bin Dulamit  
DA1411003T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA : **SAPIHI BIN DULAMIT**

NO. MATRIK : **DA1411003T**

TAJUK : **ELEMEN SEJARAH MARITIM DALAM KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH DAN KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA (1983 - 2017)**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (SEJARAH)**

TARIKH VIVA : **16 OKTOBER 2019**

**PENYELIA**

Prof Dr Ismail Ali



**DISAHKAN OLEH**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

## PENGHARGAAN

Assalammualaikum dan salam sejahtera. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya, saya telah berjaya menyempurnakan penyelidikan ini dengan penuh cabaran dan dugaan. Permulaan bicara, ingin saya merakamkan penghargaan kepada pihak yang berkaitan sepanjang perjalanan sehingga penyelidikan ini berjaya disempurnakan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia atas kebenaran untuk membolehkan saya menyempurnakan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sejarah di Universiti Malaysia Sabah.

Penghargaan yang tidak ternilai juga ditujukan khusus kepada penyelia tesis saya, Prof Dr Ismail Ali atas usaha beliau membimbing, mendorong, memotivasi dan memberi panduan serta tunjuk ajar sehingga tesis ini berjaya disempurnakan. Pengetahuan yang dinamik dan mesra pelajar daripada beliau, membolehkan tesis ini dapat dihasilkan walaupun pelbagai cabaran dan rintangan diharungi semasa proses penyelidikan ini dilaksanakan.

Selautan kasih juga khas buat Allahyarham ayah saya, Haji Dulamit Osman dan Allahyarhamah ibu tersayang Hajah Dg Aisah Haji Ag Ali yang telah banyak berkorban mendidik saya, serta penghargaan yang amat istimewa buat isteri saya, Dr Widayati Roda Harun, dan anak-anak tersayang Syazwina Natasya, Syazwie Adam, dan Syazwie Adif yang sentiasa sabar menanti kejayaan ini, serta tidak jemu-jemu memberi dorongan. Kalian semua menjadi sumber inspirasi dan pendorong semasa menyempurnakan kajian ini.

Akhir sekali, penghargaan juga turut diucapkan kepada individu dan pihak-pihak tertentu yang telah memberikan bantuan dan sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan tesis ini. Sesungguhnya benarlah sabda Nabi Muhammad SAW bahawa "tuntutlah ilmu dari lahir hingga ke liang lahad". Semoga Allah SWT membalas budi baik di atas sumbangan anda semua. Terima kasih.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Sapihi Dulamit  
18 Mei 2019

## ABSTRAK

Kajian ini meneliti elemen sejarah maritim dalam pendidikan sejarah, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dari tahun 1983 sehingga tahun 2017. Kedua-dua kurikulum ini mempunyai impak yang sangat besar dalam dasar pendidikan negara dan merupakan permulaan kepada transformasi pendidikan pada hari ini. Kajian ini adalah menggunakan penyelidikan kualitatif dan pendekatan sejarah dalam memperolehi sumber-sumber kajian sama ada dalam bentuk primer atau sekunder. Bidang sejarah maritim terdapat dalam penggubalan silibus, peperiksaan, dan buku teks yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Kajian Tempatan KBSR dan Sejarah KBSM dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan elemen sejarah maritim yang digubal dalam silibus Kajian Tempatan KBSR ialah 8.3 peratus. Manakala silibus Sejarah di peringkat KBSM, 33.3 peratus digubal diperingkat menengah rendah dan 8.3 peratus di peringkat menengah atas. Dalam penilaian peringkat PMR, hanya 11.7 peratus soalan berkaitan sejarah maritim dikemukakan dalam tempoh 2005-2010. Di peringkat SPM, hanya 7.5 peratus soalan berkaitan sejarah maritim dikemukakan dalam kertas 1 dan 12 peratus dalam kertas 2 dalam tempoh 2011-2015. Ini membuktikan bahawa elemen sejarah maritim perlu perhatian yang sewajarnya dalam kurikulum pendidikan di Malaysia. elemen sejarah maritim masih terikat dengan Kesultanan Melayu Melaka dari peristiwa pengasasan, zaman kegemilangan dan zaman kejatuhan Melaka. Penggubalan berkaitan bidang maritim itu sendiri sepatutnya lebih luas daripada membicarakan tentang Kesultanan Melayu Melaka semata-mata. Bidang maritim dalam pengajaran dan pembelajaran tidak dinyatakan dengan jelas, kerana istilah ‘maritim’ hanya mula digunakan dalam silibus dan buku teks sejarah tingkatan empat. Perbincangan berkaitan bidang sejarah maritim sewajarnya meliputi negeri-negeri Sarawak dan Sabah dalam perspektif yang lebih luas.

**Kata kunci:** Elemen, Sejarah maritim, Mata Pelajaran Kajian Tempatan, Mata Pelajaran Sejarah, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

## **ABSTRACT**

### **MARITIME HISTORY ELEMENT IN INTEGRATED PRIMARY SCHOOL CURRICULUM AND INTEGRATED SECONDARY SCHOOL CURRICULUM IN MALAYSIA**

*This study examines maritime history element in the history education of the Primary School Integrated Curriculum (KBSR) and the Secondary School Integrated Curriculum (KBSM) from 1983 to 2017. Each curricula has a huge impact on the education policy of the country and is the beginning of today's educational transformation. This study uses qualitative research and historical approaches used in acquiring research resources either in the primary or the secondary form. The history of maritime history lies in the formulation of syllabus, examination and textbooks used in the teaching and learning of Local Studies in KBSR and History in KBSM in the Malaysian education system. The findings show that the maritime history element enacted in the Kajian Tempatan KBSR syllabus is 8.3 percent. While in the History syllabus at the KBSM level, 33.3 per cent was formulated at the lower secondary level and 8.3 per cent at the upper secondary level. In the PMR assessment, maritime history related questions comprised of only 11.7 percent from 2005 till 2010. At the SPM level, only 7.5 percent of maritime questions were presented in Paper 1 and 12 per cent in Paper 2 from 2011 till 2015. This proves that the maritime history element needs due attention in education curriculum in Malaysia. Presently, maritime history is only linked to the Malay Sultanate of Malacca from the founding events, its golden age and the fall of Malacca. The study of the maritime element itself should be broader than merely limiting the discussion to only the Malacca Malay Sultanate. The maritime element in teaching and learning is not explicitly stated, since the term 'maritime' has only begun to be used in Form Four history syllabus and textbooks. Discussions related to the maritime history should certainly include the states of Sarawak and Sabah in a wider perspective.*

**Keywords:** Element, Maritime history, Kajian Tempatan Subject, History Subject, Primary School Integrated Curriculum and Secondary School Integrated Curriculum.

## **SENARAI KANDUNGAN**

|                          | Halaman |
|--------------------------|---------|
| <b>TAJUK</b>             | i       |
| <b>PENGAKUAN</b>         | ii      |
| <b>PENGESAHAN</b>        | iii     |
| <b>PENGHARGAAN</b>       | iv      |
| <b>ABSTRAK</b>           | v       |
| <b>ABSTRACT</b>          | vi      |
| <b>SENARAI KANDUNGAN</b> | vii     |
| <b>SENARAI JADUAL</b>    | x       |
| <b>SENARAI RAJAH</b>     | xiii    |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b> | xix     |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>  | xxi     |

### **BAB 1: PENDAHULUAN**

|      |                            |    |
|------|----------------------------|----|
| 1.1  | Pengenalan                 | 1  |
| 1.2  | Latar Belakang Kajian      | 5  |
| 1.3  | Permasalahan Kajian        | 11 |
| 1.4  | Tujuan dan Objektif Kajian | 14 |
| 1.5  | Pentakrifan Umum           | 15 |
| 1.6  | Skop dan Batasan Kajian    | 20 |
| 1.7  | Kepentingan Kajian         | 21 |
| 1.8  | Metodologi Kajian          | 23 |
| 1.9  | Sorotan Kajian             | 25 |
| 1.10 | Struktur Kajian            | 41 |
| 1.11 | Kesimpulan                 | 43 |

### **BAB 2: LATAR BELAKANG PERKEMBANGAN KURIKULUM**

#### **PENDIDIKAN DI MALAYSIA SEBELUM 1983**

|     |   |    |
|-----|---|----|
| 2.1 | Pengenalan                                    | 47 |
| 2.2 | Konsep Kurikulum Pendidikan di Malaysia       | 52 |
| 2.3 | Perkembangan Kurikulum Pendidikan di Malaysia | 55 |

|         |  |    |
|---------|--|----|
| 2.3.1   | Laporan Cheesemen 1946   | 58 |
| 2.3.2   | Laporan Holgate 1949   | 60 |
| 2.3.3   | Laporan Barnes 1950  | 60 |
| 2.3.4   | Laporan Fenn Wu 1951   | 61 |
| 2.3.5   | Ordinan Pelajaran 1952   | 62 |
| 2.3.6   | Laporan Razak 1956   | 63 |
| 2.3.7   | Laporan Rahman Talib 1960  | 65 |
| 2.3.8   | Suruhanjaya Aziz 1967  | 70 |
| 2.3.9   | Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran<br>Kebangsaan 1979 | 70 |
| 2..3.10 | Akta Pendidikan 1996   | 76 |
| 2.4     | Kurikulum Sejarah  | 83 |
| 2.5     | Kesimpulan   | 91 |

### **BAB 3: KEPENTINGAN PENDIDIKAN SEJARAH MARITIM DI MALAYSIA**

|     |  |     |
|-----|--|-----|
| 3.1 | Pengenalan   | 95  |
| 3.2 | Kerajaan-Kerajaan Maritim di Alam Melayu           | 99  |
| 3.3 | Sejarah Awal Pembudayaan Perahu dan Ilmu Pelayaran | 123 |
| 3.4 | Pelayaran, Perdagangan dan Pelabuhan               | 126 |
| 3.5 | komuniti Pelaut                                    | 137 |
| 3.6 | Kesimpulan   | 141 |

### **BAB 4: ELEMEN SEJARAH MARITIM DALAM KBSR**

|       |                                      |     |
|-------|--------------------------------------|-----|
| 4.1   | Pengenalan                           | 149 |
| 4.2   | Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah   | 152 |
| 4.3   | Silibus Sejarah Dalam KBSR           | 161 |
| 4.3.1 | Kajian Tempatan                      | 162 |
| 4.3.2 | Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan | 171 |
| 4.4   | Peperiksaan dan Penilaian            | 173 |
| 4.5   | Kesimpulan                           | 176 |

**BAB 5: ELEMEN SEJARAH MARITIM DALAM KBSM**

|       |                                      |     |
|-------|--------------------------------------|-----|
| 5.1   | Pengenalan                           | 181 |
| 5.2   | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah | 183 |
| 5.3   | Silibus Sejarah dalam KBSM           | 189 |
| 5.3.1 | Unsur Kemahiran Pemikiran Sejarah    | 210 |
| 5.3.2 | Unsur Penerapan Nilai Patriotisme    | 215 |
| 5.4   | Peperiksaan dan Penilaian KBSM       | 219 |
| 5.5   | Kesimpulan                           | 256 |

**BAB 6: KEDUDUKAN SEJARAH MARITIM DALAM BUKU TEKS SEJARAH  
KBSR DAN KBSM**

|     |  |     |
|-----|--|-----|
| 6.1 | Pengenalan   | 266 |
| 6.2 | Buku Teks Alam dan Manusia, dan<br>Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSR | 269 |
| 6.3 | Buku Teks Kajian Tempatan KBSR   | 274 |
| 6.4 | Buku Teks Sejarah KBSM   | 283 |
| 6.5 | Kesimpulan   | 338 |

**BAB 7: PENUTUP**

|                    |     |
|--------------------|-----|
| <b>BIBLIOGRAFI</b> | 359 |
|--------------------|-----|

|                 |     |
|-----------------|-----|
| <b>LAMPIRAN</b> | 377 |
|-----------------|-----|

## **SENARAI JADUAL**

|  | Halaman    |
|--|------------|
| Jadual 4.1 : Bidang-bidang dalam KBSR  | 157        |
| Jadual 4.2 : Mata Pelajaran yang ditawarkan dalam KBSR   | 158        |
| Jadual 4.3 : Peruntukan Masa KBSR  | 160        |
| Jadual 4.4 : Pencapaian Murid bagi Mata Pelajaran Sejarah dalam Komponen Alam dan Manusia Mengikut Jenis Sekolah | 162        |
| Jadual 4.5 : Kandungan Sukatan Pelajaran KT KBSR Tahun Empat   | 165        |
| Jadual 4.6 : Kandungan Sukatan Pelajaran KT KBSR Tahun Lima  | 167        |
| Jadual 4.7 : Kandungan Sukatan Pelajaran KT KBSR Tahun Enam  | 169        |
| Jadual 4.8 : Bidang Sejarah Maritim dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kajian Tempatan Tahap II                   | 171        |
| Jadual 4.9 : Sukatan Pelajaran PSK Tahun Empat, Lima dan Enam  | 172        |
| <b>Jadual 5.1 : Mata Pelajaran KBSM Sekolah Menengah Rendah</b>  | <b>185</b> |
| <b>Jadual 5.2 : Mata Pelajaran KBSM Sekolah Menengah Atas</b>  | <b>185</b> |
| Jadual 5.3 : Peruntukan Waktu Sekolah Menengah Rendah Dalam Seminggu   | 186        |
| Jadual 5.4 : Peruntukan Waktu Sekolah Menengah Atas dalam  | 187        |
| Jadual 5.5 : Peruntukan Waktu Sekolah Menengah Rendah dalam Seminggu   | 187        |
| Jadual 5.6 : Peruntukan Waktu Sekolah Menengah Atas dalam Seminggu (ELEKTIF)                                     | 188        |
| Jadual 5.7 : Tema Sejarah KBSM: Sekolah Menengah Rendah  | 197        |
| Jadual 5.8 : Tema Sejarah KBSM: Sekolah Menengah Atas  | 198        |
| Jadual 5.9 : Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM Tingkatan Satu   | 199        |
| Jadual 5.10: Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM Tingkatan Dua  | 200        |
| Jadual 5.11: Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM Tingkatan Tiga   | 201        |
| Jadual 5.12: Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM Tingkatan Empat  | 203        |
| Jadual 5.13: Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM Tingkatan Lima   | 205        |
| Jadual 5.14: Tema Sejarah Maritim dalam Kandungan Silibus Sejarah KBSM   | 207        |

|              |   |     |
|--------------|---|-----|
| Jadual 5.15: | Analisis Keseluruhan Tema Sejarah Maritim dalam Silibus Sejarah KBSM                        | 208 |
| Jadual 5.16: | Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah   | 211 |
| Jadual 5.17: | Unsur Patriotisme Dalam KBSM  | 217 |
| Jadual 5.18: | Mata-Mata Pelajaran PMR   | 222 |
| Jadual 5.19: | Analisis Tajuk Mengikut Subtopik (PMR 2005-2010): Kerajaam Awal di Asia Tenggara            | 223 |
| Jadual 5.20: | Analisis Tajuk Mengikut Subtopik (PMR 2005-2010): Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka (KMM) | 224 |
| Jadual 5.21: | Analisis Tajuk Mengikut Subtopik (PMR 2005-2010): Kegemilangan Melaka                       | 226 |
| Jadual 5.22: | Analisis Tajuk Mengikut Subtopik (PMR 2005-2010): Kemerosotan Melaka                        | 228 |
| Jadual 5.23: | Analisis Tajuk Mengikut Subtopik (PMR 2005-2010): Johor Menegakkan Semula Kewibawaan KMM    | 229 |
| Jadual 5.24: | Analisis Soalan berkaitan Sejarah Maritim (PMR 2005-2010)                                   | 231 |
| Jadual 5.25: | Analisis Soalan Sejarah SPM 2011-2015: Soalan Berkaitan sejarah Maritim                     | 232 |
| Jadual 5.26: | Kumpulan 1- Mata Pelajaran Kategori Teras   | 238 |
| Jadual 5.27: | Kumpulan II - Mata Pelajaran Pilihan Kategori Kemanusiaan                                   | 239 |
| Jadual 5.28: | Kumpulan III - Mata Pelajaran Pilihan Kategori Vokasional dan Teknologi                     | 239 |
| Jadual 5.29: | Kumpulan IV - Mata Pelajaran Pilihan Kategori Sains   | 240 |
| Jadual 5.30: | Kumpulan V - Mata Pelajaran Pilihan Kategori Pengajian Islam                                | 240 |
| Jadual 5.31: | Kumpulan VI - Mata Pelajaran Pilihan Kategori Tambahan                                      | 240 |
| Jadual 5.32: | Mata Pelajaran di Luar KBSM   | 241 |
| Jadual 5.33: | Aspek-Aspek Kajian Sejarah Tempatan Sekolah Menengah Rendah                                 | 244 |

|              |  |     |
|--------------|--|-----|
| Jadual 5.34: | Ruang Liputan Kajian Tempatan Sejarah Tingkatan 1:<br>Sejarah Diri dan Keluarga                                      | 245 |
| Jadual 5.35: | Ruang Liputan Kajian Sejarah Tempatan Tingkatan 2:<br>Sejarah Sekolah  | 247 |
| Jadual 5.36: | Ruang Liputan Kajian Sejarah Tempatan Tingkatan 3:<br>Sejarah Persekutuan Kawasan Sekolah/Tempat<br>Tinggal/Kediaman | 251 |
| Jadual 5.37: | Format Instrumen Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah<br>Sejarah Peringkat SPM (Mulai 2004)                            | 255 |



## **SENARAI RAJAH**

|  | <b>Halaman</b> |
|--|----------------|
| Rajah 1.1: Kerangka Kajian Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Maritim dalam KBSR dan KBSM | 20             |
| Rajah 3.1: Empayar Srivijaya   | 102            |
| Rajah 3.2: Empayar Brunei pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah (1485-1524)               | 116            |
| Rajah 4.1: Ciri-Ciri KBSR  | 154            |
| Rajah 4.2: Contoh Pelaporan UPSR   | 176            |
| Rajah 5.1: Soalan Sejarah PMR 2005   | 223            |
| Rajah 5.2: Soalan Sejarah PMR 2009   | 225            |
| Rajah 5.3: Soalan Sejarah PMR 2005   | 225            |
| Rajah 5.4: Soalan Sejarah PMR 2007   | 227            |
| Rajah 5.5: Soalan Sejarah PMR 2010   | 227            |
| Rajah 5.6: Soalan Sejarah PMR 2006 dan 2007  | 228            |
| Rajah 5.7: Soalan Sejarah PMR 2008   | 229            |
| Rajah 5.8: Soalan Sejarah PMR 2007 dan 2008  | 230            |
| Rajah 5.9: Soalan Sejarah PMR 2010   | 230            |
| Rajah 5.10: Soalan Sejarah SPM Kertas 1, 2011  | 233            |
| Rajah 5.11: Soalan Sejarah SPM Kertas 2, 2012  | 233            |
| Rajah 5.12: Soalan Sejarah SPM Kertas 1, 2014  | 235            |
| Rajah 5.13: Soalan Sejarah SPM Kertas 2, 2016  | 236            |
| Rajah 5.14: Slip Keputusan SPM 2005 dan 2013   | 256            |
| Rajah 6.1: Buku Teks Alam dan Manusia KBSR Tahun 4   | 277            |
| Rajah 6.2: Buku Teks Alam dan Manusia KBSR Tahun 5   | 278            |
| Rajah 6.3: Buku Teks Alam dan Manusia KBSR Tahun 6   | 278            |
| Rajah 6.4: Buku Teks PSK KBSR Tahun 4  | 279            |
| Rajah 6.5: Buku Teks PSK KBSR Tahun 5  | 279            |
| Rajah 6.6: Buku Teks PSK KBSR Tahun 6  | 280            |
| Rajah 6.7: Buku Teks Kajian Tempatan KBSR Tahun 4  | 281            |
| Rajah 6.8: Buku Teks Kajian Tempatan KBSR Tahun 5  | 281            |

|             |  |     |
|-------------|--|-----|
| Rajah 6.9:  | Buku Teks Kajian Tempatan KBSR Tahun 6   | 282 |
| Rajah 6.10: | Kandungan Buku Teks Kajian Tempatan Tahun 5  | 282 |
| Rajah 6.11: | Kedatangan Parameswara dan Pengasasan Melaka   | 283 |
| Rajah 6.12: | Perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka  | 292 |
| Rajah 6.13: | Melaka Mendapat Nama   | 293 |
| Rajah 6.14: | Melaka Sebagai Sebuah Pusat Perdagangan Antarabangsa                                     | 295 |
| Rajah 6.15: | Penyebaran Islam di Asia Tenggara  | 296 |
| Rajah 6.16: | Melaka Sebagai Pusat Kegiatan Ilmu   | 297 |
| Rajah 6.17: | Kawasan Pentadbiran Awal di Sabah  | 297 |
| Rajah 6.18: | Taburan Kaum di Sabah  | 298 |
| Rajah 6.19: | Kawasan Pentadbiran Awal di Sarawak  | 298 |
| Rajah 6.20: | Taburan Kaum di Sarawak  | 299 |
| Rajah 6.21: | Buku teks Sejarah KBSM Tingkatan 1   | 299 |
| Rajah 6.22: | Buku teks Sejarah KBSM Tingkatan 2   | 300 |
| Rajah 6.23: | Buku teks Sejarah KBSM Tingkatan 3   | 301 |
| Rajah 6.24: | Buku teks Sejarah KBSM Tingkatan 4   | 301 |
| Rajah 6.25: | Buku teks Sejarah KBSM Tingkatan 5   | 302 |
| Rajah 6.26: | Tema Zaman Prasejarah dan Keagungan Kesultanan Melayu                                    | 303 |
| Rajah 6.27: | Kerajaan Awal di Asia Tenggara   | 303 |
| Rajah 6.28: | Gambaran kapal yang menyerupai kapal masyarakat maritim                                  | 304 |
| Rajah 6.29: | Kerajaan Champa  | 304 |
| Rajah 6.30: | Kerajaan Chih Tu   | 305 |
| Rajah 6.31: | Kerajaan Srivijaya   | 305 |
| Rajah 6.32: | Kerajaan Kedah Tua   | 306 |
| Rajah 6.33: | Kerajaan Majapahit   | 307 |
| Rajah 6.34: | Contoh Penggunaan <i>bullet points</i> dalam BTS T1                                      | 308 |
| Rajah 6.35: | Manik dan barang kaca yang ditemui di Lembah Bujang                                      | 308 |
| Rajah 6.36: | Penemuan duit perak di Lembah Bujang   | 309 |
| Rajah 6.37: | Gambaran pelukis kemudahan di pelabuhan Melaka   | 309 |
| Rajah 6.38: | Gambaran pelukis menunjukkan Orang Laut sedang membawa barang dagangan ke kapal pedagang | 310 |
| Rajah 6.39: | Faktor-faktor Kegemilangan Melaka  | 311 |

|             |  |     |
|-------------|--|-----|
| Rajah 6.40: | Struktur pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka berdasarkan Sistem Pembesar Empat Lipatan  | 311 |
| Rajah 6.41: | Petikan daripada Buku Sejarah Melayu   | 312 |
| Rajah 6.42: | Kedudukan Pelabuhan Melaka   | 312 |
| Rajah 6.43: | Replika jong yang digunakan untuk mengangkat barang dari kapal pedagang ke daratan   | 313 |
| Rajah 6.44: | Mata wang yang digunakan semasa pemerintahan Sultan Mansor Shah  | 314 |
| Rajah 6.45: | Peta Perdagangan Melaka  | 314 |
| Rajah 6.46: | Petikan surat di antara Melaka dengan Ryukyu (Jepun)   | 315 |
| Rajah 6.47: | Penyebaran Agama agama Islam di Asia Tenggara  | 316 |
| Rajah 6.48: | Petikan daripada Hukum Kanun Melaka  | 316 |
| Rajah 6.49: | Petikan daripada Undang-undang Laut Melaka   | 317 |
| Rajah 6.50: | Siput gerus dan geweng digunakan sebagai mata wang   | 317 |
| Rajah 6.51: | Wang logam yang digunakan dalam perdagangan  | 318 |
| Rajah 6.52: | Empayar Melaka pada zaman keagungannya   | 319 |
| Rajah 6.53: | Senjata yang digunakan oleh Portugis   | 322 |
| Rajah 6.54: | Senjata tentera Melaka menentang Portugis  | 322 |
| Rajah 6.55: | Model kapal Portugis, Caravel  | 323 |
| Rajah 6.56: | Peta arah penjelajahan orang Portugis ke Timur   | 323 |
| Rajah 6.57: | Gambaran pelukis serangan pertama Portugis, 25 Julai 1511  | 324 |
| Rajah 6.58: | Ringkasan bab 7  | 324 |
| Rajah 6.59: | Sultan Mahmud Shah berundur dari Melaka  | 325 |
| Rajah 6.60: | Peta ibu negeri kerajaan Johor   | 326 |
| Rajah 6.61: | Gambaran pelukis serangan Johor ke atas Portugis di Melaka   | 326 |
| Rajah 6.62: | Gambaran pelukis menunjukkan gabungan angkatan perang Johor dengan Belanda yang berjaya mengalahkan Portugis di Melaka pada tahun 1641 | 327 |
| Rajah 6.63: | Kota A Famosa  | 328 |
| Rajah 6.64: | Jajahan takluk Johor   | 329 |
| Rajah 6.65: | Mata wang semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah II   | 331 |
| Rajah 6.66: | Kolek Selat digunakan untuk mengangkat barang dari kapal pedagang ke daratan   | 332 |

|             |   |     |
|-------------|---|-----|
| Rajah 6.67: | Kedudukan Pulau Pinang yang strategik menarik SHTI  | 333 |
| Rajah 6.68: | Kedah menghadapai ancaman daripada Siam, Burma dan Bugis  | 335 |
| Rajah 6.69: | Gambaran pelukis menunjukkan Sultan Abdullah dan Francis Light menandatangani Perjanjian Inggeris-Kedah pada tahun 1786 | 336 |
| Rajah 6.70: | Upacara menaikkan bendera Britain, Union Jack di Pulau Pinang   | 337 |



## **SENARAI SINGKATAN**

|               |   |  |
|---------------|---|--|
| <b>AM</b>     | : | Alam dan Manusia                             |
| <b>BTS T1</b> | : | Buku Teks Sejarah Tingkatan 1                |
| <b>BTS T2</b> | : | Buku Teks Sejarah Tingkatan 2                |
| <b>BTS T3</b> | : | Buku Teks Sejarah Tingkatan 3                |
| <b>BTS T4</b> | : | Buku Teks Sejarah Tingkatan 4                |
| <b>BTS T5</b> | : | Buku Teks Sejarah Tingkatan 5                |
| <b>COSC</b>   | : | <i>Cambridge Overseas School Certificate</i> |
| <b>DPK</b>    | : | Dasar Pendidikan Kebangsaan                  |
| <b>FPK</b>    | : | Falsafah pendidikan Kebangsaan               |
| <b>HSC</b>    | : | <i>Higher School Certificate</i>             |
| <b>ICT</b>    | : | Teknologi Maklumat dan Komunikasi            |
| <b>IPT</b>    | : | Institusi Pengajian Tinggi                   |
| <b>IQ</b>     | : | <i>Intelligent Quotient</i>                  |
| <b>KBSR</b>   | : | Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah           |
| <b>KBSM</b>   | : | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah         |
| <b>KLSM</b>   | : | Kurikulum Lama Sekolah Menengah              |
| <b>KLSR</b>   | : | Kurikulum Lama Sekolah Rendah                |
| <b>KMM</b>    | : | Kesultanan Melayu Melaka                     |
| <b>KPM</b>    | : | Kementerian Pendidikan Malaysia              |
| <b>KPS</b>    | : | Kemahiran Pemikiran Sejarah                  |
| <b>KPT</b>    | : | Kementerian Pengajian Tinggi                 |
| <b>KSSR</b>   | : | Kurikulum Standard Sekolah rendah            |

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| <b>KSSM</b>  | : | Kurikulum Standard Sekolah Menengah         |
| <b>KT</b>    | : | Kajian Tempatan                             |
| <b>LCE</b>   | : | <i>Lower Certificate of Education</i>       |
| <b>LPM</b>   | : | Lembaga Peperiksaan Malaysia                |
| <b>MCE</b>   | : | <i>Malaysiaian Certificate of Education</i> |
| <b>MSSEE</b> | : | Peperiksaan Masuk Sekolah Menengah Malaya   |
| <b>PIPP</b>  | : | Pelan Induk Pembangunan Pendidikan          |
| <b>UPSR</b>  | : | Ujian Penilaian Sekolah Rendah              |
| <b>PMR</b>   | : | Penilaian Menengah Rendah                   |
| <b>SPM</b>   | : | Sijil Pelajaran Malaysia                    |
| <b>PEKA</b>  | : | Pentaksiran Kerja Amali Sains               |
| <b>PSK</b>   | : | Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan        |
| <b>PTS</b>   | : | Penilaian Tahap Satu                        |
| <b>SHTI</b>  | : | Syarikat Hindia Timur Inggeris              |
| <b>STPM</b>  | : | Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia          |
| <b>SRP</b>   | : | Sijil Rendah Pelajaran                      |
| <b>VOC</b>   | : | <i>Dutch East India Company</i>             |
| <b>3M</b>    | : | Membaca, Menulis dan Mengira                |

## **SENARAI LAMPIRAN**

|             | Halaman |
|-------------|---------|
| Lampiran A: | 377     |
| Lampiran B: | 378     |
| Lampiran C: | 379     |
| Lampiran D: | 380     |
| Lampiran E: | 381     |
| Lampiran F: | 382     |
| Lampiran G: | 383     |
| Lampiran H: | 384     |
| Lampiran I: | 385     |
| Lampiran J: | 386     |
| Lampiran K: | 387     |
| Lampiran L: | 388     |
| Lampiran M: | 389     |
| Lampiran N: | 390     |
| Lampiran O: | 391     |
| Lampiran P: | 392     |
| Lampiran Q: | 393     |

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pendidikan di Malaysia memainkan peranan yang penting bukan sahaja bertujuan memenuhi keperluan manusia tetapi juga untuk meningkatkan perpaduan antara kaum. Sesungguhnya pendidikan yang ada pada hari ini telah memainkan peranan penting di dalam merealisasikan aspirasi negara untuk mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat di negara ini. Kesinambungan daripada itu, kerajaan telah menjadikan matlamat untuk membina negara bangsa sebagai teras pertama dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2015.<sup>1</sup> Pelan Induk ini telah dilancarkan pada 16 Januari 2007, bagi menyahut dan menjayakan agenda pendidikan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. Kerajaan juga telah menjadikan matlamat untuk membina negara bangsa ini sebagai teras pertama dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2015.

Pendidikan merupakan asas penting bagi membangunkan masyarakat dan negara ke arah yang lebih baik, khususnya Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Justeru faktor tersebut membawa kepada implikasi bahawa setiap dasar yang dilaksanakan perlu selari dengan keperluan masyarakat. Dasar pendidikan yang dilaksanakan bukan sahaja bertujuan untuk

---

<sup>1</sup> Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006-2010, telah disempurnakan pelancarannya oleh Y.A.B. Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi pada 16 Januari 2007 bersamaan 26 Zulhijah 1427, di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya.

memberi pelajaran di sekolah semata-mata tetapi sebagai alat untuk merealisasikan perpaduan bangsa. Melalui sistem persekolahan, masyarakat dibentuk dengan memberi pelajaran kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama, dan warna kulit. Dasar pendidikan di negara kita dapat diterjemahkan melalui petikan di bawah:

'Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara'.<sup>2</sup>

Pada amnya, rakyat Malaysia meletakkan nilai yang tinggi terhadap pendidikan dan menganggap pendidikan sebagai satu pelaburan penting untuk memperkuatkan daya intelektual dan kemahiran kerja, dan seterusnya untuk mendapatkan pekerjaan yang baik serta gaji yang lumayan. Berdasarkan betapa mustahaknya pendidikan dalam proses pembangunan individu dan masyarakat, maka dasar-dasar pendidikan kerap dikaji semula dan diperbaharui oleh kerajaan. Dasar pendidikan merupakan satu daripada dasar-dasar awam yang paling banyak digubal dan dilaksanakan oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Dasar-dasar pendidikan meliputi berbagai-bagai aspek, dari hal pakaian sekolah hingga kepada hal pendidikan tinggi swasta. Dasar-dasar pendidikan pada masa ini lazimnya terdiri daripada jenis dasar eksekutif agar sistem pendidikan mengikuti kemajuan masyarakat dan kemajuan teknologi masa kini.<sup>3</sup> Berikutan itu, perbelanjaan untuk menguruskan institusi dan program pendidikan adalah besar. Misalnya, kerajaan memperuntukan 21 peratus belanjawan 2007 atau sebanyak RM33.4 bilion untuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).<sup>4</sup>

<sup>2</sup> Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM., *Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Ketiga)*, Shah Alam: Giga Wise Network Sdn. Bhd., 2012, DPK-iii.

<sup>3</sup> Sufean Hussin, *Dasar Pembangunan Pendidikan di Malaysia: Teori dan Analisis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 13.

<sup>4</sup> *Belanjawan 2007*, Dipetik dari <http://www1.treasury.gov.my.>, pada 25 November 2018.

Secara khusus, RM6.7 bilion diperuntukan untuk pendidikan rendah, RM6.2 bilion untuk pendidikan menengah, RM10.4 bilion untuk pendidikan tinggi dan RM10.1 bilion untuk program latihan. Belanjawan untuk pendidikan seterusnya semakin meningkat setiap tahun, dengan bajet 2015<sup>5</sup> memperuntukan RM56 bilion untuk Kementerian Pendidikan dan yang terbaru dalam Belanjawan 2019, Kementerian Pendidikan menerima peruntukan terbesar kerana arus perubahan dan kepentingan sektor pendidikan untuk kemajuan rakyat dan negara. Justeru, Kementerian Pendidikan menerima peruntukan RM60.2 bilion atau 19.1 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan. Daripada jumlah itu, sebanyak RM652 juta disediakan oleh kerajaan bagi tujuan menaik taraf dan meyelenggara semua sekolah di seluruh negara.<sup>6</sup> Belanjawan tersebut jelas menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Pendidikan sangat komited untuk membawa pendidikan ke tahap yang lebih tinggi dan setanding dengan negara maju. Di peringkat sekolah, komitmen itu antara lainnya dihuraikan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2006. Manakala di peringkat tinggi pula, komitmen itu diperjelaskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2007. Matlamat Kedua-dua pelan ini adalah untuk membangunkan satu sistem pendidikan yang berkualiti.<sup>7</sup>

Nik Aziz Nik Pa dan Noraini Idris dalam buku bertajuk *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia*, menjelaskan bahawa dalam era globalisasi, cabaran yang dihadapi oleh institusi pendidikan negara kita adalah untuk meningkatkan kualiti institusi secara menyeluruh bagi mengekalkan keyakinan rakyat pada tahap yang lebih tinggi terhadap kecemerlangan institusi tersebut. Kualiti pendidikan yang ditawarkan dan status institusi pendidikan tidak dapat disembunyikan daripada pengetahuan umum sebab terdapat pihak yang membuat perbandingan dan penarafan institusi pendidikan secara global dan menyebarluaskan

<sup>5</sup> Belanjawan 2015, Dipetik dari <http://www1.treasury.gov.my.>, pada 25 November 2018.

<sup>6</sup> Belanjawan 2019, Dipetik dari <http://www1.treasury.gov.my.>, pada 25 November 2018.

<sup>7</sup> Nik Azis Nik Pa dan Noraini Idris, *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia: 50 Tahun*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2008, hlm. 4.